

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : 4 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kelemahan,kesilapan, kecuaiian atau penipuan yang dikenal pasti berlaku di dalam Tempat Mengundi pada Pilihan Raya Umum ke13 lalu.

71

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedar wujudnya pelbagai dakwaan yang tidak berasas terhadap perjalanan PRU Ke-13 yang lepas. SPR sentiasa menambah baik kelemahan yang diutarakan oleh semua pihak dan kenyataan bahawa PRU Ke-13 adalah yang paling kotor, tidak berintegriti dan banyak penipuan adalah tidak benar. Mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya boleh mengemukakan petisyen di Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan.

Sekian, terima kasih.